

20/09/2001

Persatuan sukan cemerlang turut terima durian runtuh

Hussain Said

BUKAN saja atlit negara bakal mendapat durian runtuh tetapi persatuan sukan kebangsaan yang menunjukkan kecemerlangan pada Sukan Sea XXI yang berakhir Isnin lalu akan mendapat habuan sama.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata ganjaran kepada persatuan sukan kebangsaan itu diputuskan dalam mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

"Ganjaran ini diberikan kepada persatuan sukan yang menunjukkan kecemerlangan pada pentas temasya dwitahunan sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan terhadap kerjasama dan peranan mereka selama ini.

"Apatah lagi, kita mendapati ada persatuan sukan yang melakar kegemilangan bukan mendapat peruntukan besar tetapi masalah itu tidak menghalang atlit mereka mempamer prestasi membanggakan.

"Sebagai contoh Persatuan Raket Skuasy Malaysia (SRAM), Kesatuan Renang Amatur Malaysia (ASUM), Persekutuan Karate Malaysia (Makaf) dan beberapa persatuan lagi.

"Namun, ganjaran yang belum ditetapkan jumlah sebenar ini bukan berterusan sebaliknya diberikan sempena Sukan Sea XXI saja," katanya selepas mesyuarat pasca Kabinet di kementerian semalam.

Dalam temasya yang berakhir Isnin lalu, kontinjen negara meraih 111 pingat emas iaitu jumlah terbesar dalam sejarah sejak temasya itu dipertandingkan pada 1959 di Bangkok sekali gus memastikan kita muncul juara keseluruhan julung kali.

Menurut Hishammuddin, ganjaran yang diberikan itu tidak termasuk dalam senarai skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam) Majlis Sukan Negara (MSN) yang diberikan kepada persatuan sukan kebangsaan berikutan kejayaan atlit masing-masing.

"Di bawah skim Shakam, persatuan sukan akan mendapat RM500 bagi setiap emas yang dimenangi atlit masing-masing tetapi ganjaran yang diputuskan Kabinet ini khusus kepada persatuan yang menunjukkan kecemerlangan.

"Ini bermakna persatuan sukan terbabit mendapat ganjaran tambahan," katanya.

Mengenai jumlah sebenar ganjaran yang perlu diberikan kepada atlit, Hishammuddin berkata pihaknya sedang menghitungnya.

"Anggaran kasar sekitar RM555,000 daripada 111 emas yang diraih tetapi jumlah itu belum termasuk untuk atlit berpasukan, jurulatih dan persatuan sukan kebangsaan," katanya.

Mengikut skim Shakam, atlit yang memenangi emas akan mendapat habuan RM5,000 tetapi atlit berpasukan yang melebihi lima orang, masing-masing mendapat RM1,000.

Tambahan RM1,000 akan diberikan kepada atlit yang berjaya memecahkan rekod temasya. Imbuan RM1,000 dan RM500 pula diberikan kepada jurulatih dan persatuan sukan yang mempunyai atlit memenangi emas.

(END)